

Peluang Pekerjaan





#5

Kegiatan ekonomi menyebabkan pertambahan penduduk di sesuatu kawasan yang mewujudkan proses _____. Sektor perindustrian dan perlombongan menggalakkan migrasi masuk kerana wujudnya banyak peluang pekerjaan dan menyumbang kepada perkembangan bandar, contohnya Pasir Gudang, Johor ndan Bintulu, Sarawak. Perkembangan ekonomi dan teknologi yang pesat di Singapura telah menempatkan Singapura di kedudukan pertama bandar bijak dunia berdasarkan Ranking Juniper Research



#6

Perkembangan kegiatan ekonomi seperti perkilangan dan perlombongan membawa kepada berlakunya _____. Pemindahan teknologi merujuk kepada pemindahan kemahiran, kepakaran dan teknik dari sebuah negara ke negara lain melalui pembelajaran, pengalaman, latihan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D). Pemindahan teknologi penting untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti barangan.



#7

Perkembangan sektor ekonomi dapat _____ barangan sesebuah negara. Perkembangan dalam sektor pertanian dapat mengurangkan import barangan makanan. Di Malaysia, kerajaan menjalankan pelbagai usaha untuk meningkatkan pengeluaran padi bagi mengurangkan import beras dan memajukan industri tenusu negara bagi mengurangkan kebergantungan kepada produk tenusu dari negara luar.

